



MINIT MESYUARAT
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
SESI 2008-2010

MINIT MESYUARAT NO. 8

Tarikh : 16hb September 2009 [Rabu]
Masa : 02.00 petang
Tempat : Pejabat KURNIA

HADIR

1. Tuan Haji Abdul Jalil Abdul Wahab	AJK <i>Presiden</i>
2. Saupi Azran Muhamad Tamjis	Setiausaha
3. Norasita binti Haji Zainal	Penolong Setiausaha
4. Tuan Haji Mokhtar bin Ahmad	Bendahari
5. Mohamad Zaini bin Mohamad	AJK
6. Yusni bin Yusop	AJK
7. Azman bin Asri	AJK
8. Mohd Rashdan bin Baba	AJK
9. Abdul Malek bin Johari	AJK
10. Ezan Rohana binti Zamri	AJK


TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Mohd Yazid bin Ahmad	Naib Presiden
2. Khalid bin Muhammad	AJK
3. Shahrul Zaman bin Abdul Rahman	AJK
4. Shamsul bin Paris	AJK
5. Rahida binti Abdul Razak	AJK
6. Rafidah binti Chee Ros	AJK

NO	AGENDA	TINDAKAN
1	<p>Ucapan Pengerusi</p> <ul style="list-style-type: none">- Mesyuarat dimulakan dengan bacaan ummul kitab al-Fatihah.- Saudara Presiden mengucapkan terima kasih di atas kehadiran AJK ke mesyuarat kali ini dan berharap agar mendapat <i>rahmat</i> dan <i>ukhuwwah</i> yang lebih baik di masa-masa akan datang.	

2	<p>Agenda 2 : Meluluskan minit mesyuarat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pencadang : Sdr. Abdul Malek bin Johari - Penyokong : Sdr. Yusni bin Yusop 	
3	<p>Agenda 3 : Perkara-Perkara Berbangkit Minit Mesyuarat No. 7/2009</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sdr. Zaini meminta penjelasan berkenaan dengan laptop dan mesin pengimbas. - Sdr Yusni menjelaskan mesin pengimbas tersebut ada di dalam simpanan beliau, ini adalah bagi memudahkan kerja-kerja menyalin dan menyelenggara laman web KURNIA. Ahli mesyuarat bersetuju dengan penerangan daripada Sdr. Yusni tentang kedudukan mesin pengimbas tersebut dan membenarkan mesin pengimbas tersebut berada di dalam simpanan Sdr. Yusni. - Penolong Setiausaha memaklumkan ahli mesyuarat bahawa komputer riba milik KURNIA pada masa kini berada di dalam simpanan Sdr. Khalid Muhamad memandangkan beliau terlibat sebagai AJK Pelaksana 'Persidangan Kebangsaan Pengurusan Kepimpinan' anjuran GAKUM. - Sdr. Presiden meminta sebarang aset KURNIA hendaklah direkodkan bagi memudahkan pemerhatian jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini kepada sesiapa yang ingin menggunakannya. Sdr. Presiden juga meminta disediakan <i>log book</i> untuk merekodkan pergerakan dan penggunaan aset KURNIA. - Ahli mesyuarat mencadangkan agar di buat perlantikan wakil-wakil daripada setiap jabatan bagi memudahkan kerja AJK KURNIA. Ini adalah bagi memastikan bahawa setiap maklumat terkini akan dapat disampaikan terus kepada ahli-ahli KURNIA. Setelah dikenalpasti siapakah wakil-wakil yang akan dipilih surat perlantikan akan dikeluarkan beserta peranan wakil-wakil tersebut. - Sdr Malek memohon penjelasan status AJK yang kerap tidak menghadiri mesyuarat agar dikecualikan mendapat kelebihan-kelebihan tertentu seperti jaket dan sebagainya. - Sdr. Rashdan mengesahkan cadangan di-warkan beliau pada mesyuarat lalu namun berpendapat agar surat dikemukakan terlebih dahulu kepada AJK bermasalah untuk berunding terlebih dahulu bagi menyelesaikan apa jua masalah yang timbul. - Jadual bertugas, Sdr. Predisen menyatakan ia perlu diteruskan dan hanya perlu merujuk kepada mesyuarat MBJ lalu seperti yang telah diluluskan namun meminta Setiausaha menyediakan jadual dan membuat makluman kepada MSD. 	<p><i>Makluman</i></p> <p><i>Makluman</i></p> <p><i>Setiausaha/PSU</i></p> <p><i>Makluman</i></p> <p><i>Makluman</i></p> <p><i>Makluman</i></p> <p><i>Setiausaha</i></p>

	<ul style="list-style-type: none"> - Gerai konvo dijelaskan masalahnya oleh Sdr. Rashdan khasnya berkaitan isu pembayaran seperti tahun-tahun yang lalu. Presiden mohon perbincangan isu gerai ini ditangguhkan pada masa yang lain. - Isu kuota AJK KURNIA untuk menghadiri mesyuarat GAKUM atau CEUPACS Sdr. Presiden menjelaskan bahawa beliau akan cuba berbincang dengan Sdr. Mir Azrul bagi mendapat pandangan dan kerjasama daripada pihak Pengurusan dan Perkhidmatan samada ianya memohon pelepasan atau memohon kebenaran sahaja bagi AJK yang terlibat. Sdr. Presiden juga meminta isu ini dibincangkan secara lebih strategik bagi mendapatkan ketetapan dan akan dibawa ke mesyuarat JCC. Ini kerana pelepasan tersebut juga akan melibatkan untuk mendapatkan kemudahan seperti kenderaan dan perbelanjaan daripada pihak Universiti. 	<p><i>Makluman</i></p> <p><i>Presiden</i></p> <p><i>Presiden</i></p>
4	<p>Agenda 4:</p> <p>4.1 Isu Kerja Lebih Masa</p> <p>Sdr. Presiden telah diminta oleh pihak Pengurusan dan Perkhidmatan untuk membuat kertas cadangan kepada pihak Pengurusan dan Perkhidmatan agar kerja lebih masa dibuat pindaan yang akan dapat memberi manafaaat kepada semua kakitangan sokongan.</p> <p>4.2 Isu Grade 27 – 40</p> <p>Sdr. Yusni Yusop meminta penjelasan tentang gred 27 – 40 serta kedudukannya di dalam KURNIA, ini adalah memandangkan bahawa gred 27 – 40 tidak tertakluk di bawah keanggotaan KURNIA sebagai seorang ahli.</p> <p>Beliau meminta agar pihak KURNIA memohon sekali lagi kepada pihak JHEKS agar memberi kebenaran/pelepasan untuk gred 27 – 40 menjadi ahli di dalam KURNIA.</p> <p>Sdr. Presiden menyatakan akan membuat satu perjumpaan dengan gred 27 – 40 untuk memberi penerangan lanjut mengenai kedudukan mereka di dalam KURNIA.</p>	<p><i>Presiden</i></p> <p><i>Presiden/ Setiausaha</i></p> <p><i>Presiden/ Setiausaha</i></p> <p><i>Makluman</i></p>
5	<p>Agenda 5 : Laporan kewangan</p> <p>Sdr. Bendahari memaklumkan ahli-ahli mesyuarat bahawa baki berakhir pada 31hb Ogos 2009 adalah sebanyak RM 21, 039.49.</p> <p style="text-align: center;"><i>RM 18,121.90 30/9/2009.</i></p>	<p><i>Makluman</i></p>

<p>6</p>	<p><u>Lain-lain hal</u></p> <p>6.1 Sdr. Zaini menjelaskan usaha dan permohonan beliau bagi mendapatkan satu lot gerai dari FFSD. Dimaklumkan bahawa permohonan yang awal tidak diluluskan oleh FFSD, namun beliau akan mengemukakan rayuan pada mesyuarat susulan FFSD pada bulan November 2009 nanti. Presiden juga memohon perbincangan lanjut perlu diadakan pada sesi lain khasnya bersama biro ekonomi.</p> <p>6.2 Sdr. Malek memohon penjelasan surat tunjuk sebab tidak hanya kepada Sdr. Shahrul namun mohon adakah perlu dihantar surat yang sama kepada AJK lain seperti Sdr. Shamsul.</p> <p>6.3 Tn Haji Mokhtar memaklumkan AJK mesyuarat bahawa audit oleh JHEKS untuk KURNIA telah ditangguhkan dari 9hb September 2009 kepada 14hb Oktober 2009. Antara yang terlibat dengan audit tersebut ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Presiden (ii) Setiausaha (iii) Penolong Setiausaha (iv) Bendahari <p>6.4 Ahli-ahli mesyuarat juga dimaklumkan bahawa mesyuarat JCC telah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.</p>	<p style="text-align: right;"><i>Makluman</i></p> <p style="text-align: right;"><i>Setiausaha</i></p> <p style="text-align: right;"><i>Makluman</i></p>
<p>7</p>	<p><u>Ucapan penangguhan</u></p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang hadir dan berharap semuanya dapat menjalankan tugas masing-masing serta memberi kerjasama yang sebaiknya dalam menyempurnakan segala perancangan.</p>	
	<p>Disediakan oleh:</p> <p style="text-align: center;"></p> <p>Saupi Azran Muhammad Tamjis Setiausaha</p> <p>Disahkan oleh:</p> <p>.....</p> <p>Tuan Haji Abdul Jalil Abdul Wahab Presiden</p>	